

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 JUNE 2017

# Semai nilai murni, kemanusiaan: Najib

BH-19/6/2017 fs. 2

➔ Penggiat seni disaran ketengah karya berkualiti, tingkat jati diri dalam pelbagai lapisan masyarakat

**Oleh Zanariah Abd Mutalib**  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak mahu golongan penggiat seni di negara ini memainkan peranan menanamkan nilai kemanusiaan dan murni dalam masyarakat.

Perdana Menteri berkata, kelompangan dalam masyarakat masih berlaku terutama dalam soal mengukuhkan jati diri individu dan bangsa, menyebabkan pembinaan negara bangsa belum lagi utuh.

Terbaru, katanya, masalah sosial, termasuk gengsterisme dan buli yang mendapat perhatian serius daripada masyarakat.

“Kita bukan sahaja nak bangun-

kan kemudahan dan bangunan pencakar langit tetapi membangunkan tamadun dengan nilai murni.

“Jadi saya harap penggiat seni dapat membantu supaya asas masyarakat dan tamadun boleh diisi dengan pengertian mulia melalui pelbagai penghasilan karya daripada anda,” katanya pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Karyawan, Seniman, Budayawan, Sasterawan dan Penyiar di Seri Perdana di sini, malam tadi.

## Jaga kebajikan anak seni

Yang turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor. Lebih 2,000 tetamu hadir pada majlis berkenaan yang julung kali diadakan.

Perdana Menteri berkata, majlis berkenaan adalah lanjutan dialog Transformasi Negara 2050 (TN50)

yang diadakan dengan penggiat seni, baru-baru ini, yang membolehkan beliau menyelami perkara yang dekat di hati golongan itu.

Antaranya kata beliau ialah soal bakat, hak cipta, harta intelek, budaya dan warisan serta kebajikan artis veteran.

Pada majlis itu, beliau turut mengumumkan kuota khas Program Perumahan Rakyat (PPR) di Simpang Dua dan Kepong, Selangor untuk penggiat seni, terutama bagi artis veteran dan mereka yang tidak mempunyai kediaman, selain mempertimbangkan kuota di bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

“Selain itu, sebagai tanda prihatin dan bukti kerajaan mengambil berat kebajikan golongan seni dan kreatif ini, saya ingin mengu-

munkan pemberian pakej penajaan menunaikan ibadah umrah kepada 25 individu yang terpilih dalam kalangan karyawan, seniman, penggiat seni dan kreatif, budayawan dan penyiar.

“Penajaan ini akan memberi keutamaan kepada mereka yang belum pernah mengerjakan umrah dan kurang berkemampuan.

“Insya-Allah, jika tiada aral melintang, mereka yang terpilih ini akan kita hantar menunaikan umrah selepas selesainya musim haji pada tahun ini,” katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada anak yatim.

Majlis turut diserikan dengan persembahan daripada artis tanah air seperti Mawi, Syamsul Yusof dan UNIC.